

## **Seminar Mini Kearifan Tempatan Motif Sabah Kostum Murut Bookan: Pemakaian dan Motif**

Phyllis Lim @ Nur Ain Shahira Lim Abdullah,  
IPG Kampus Keningau, Sabah,  
3 November 2022

### **Pendahuluan**

Suatu keunikan bagi negeri Sabah kerana mempunyai lebih kurang 80 suku kaum dengan pakaian yang berbeza bagi suku kaum masing-masing. Dalam kalangan kaum Murut pula mereka mempunyai perbezaan pakaian mengikut suku tertentu. Kebanyakan suku kaum di Sabah memilih hitam sebagai warna pakaian tradisional suku kaum mereka. Warna hitam yang digunakan dahulu asalnya daripada kepercayaan bahawa warna hitam merupakan lambang kekuasaan atau warna ketuhanan yang dapat melindungi si pemakai daripada makhluk-makhluk halus yang jahat. Terdapat juga pendapat mengatakan bahawa penggunaan warna hitam adalah disesuaikan dengan cara hidup dan keadaan semula jadi pada waktu itu. Warna hitam tidak mudah kotor dan sesuai dengan kehidupan di hutan. Selain itu, pilihan warna juga agak terhad.

Demikian juga dengan suku kaum Murut di Sabah, mereka memilih warna hitam sebagai warna latar kepada pakaian tradisional mereka. Pada masa ini kebanyakan mereka menggunakan hiasan seperti manik dan labuci yang berwarna-warni, renda berwarna perak dan emas dan benang sulam. Berbeza dengan suku kaum Murut Baukan kerana pakaian tradisional mereka ditenun sendiri dan dikenali sebagai *sulayau* (baju) dipadankan dengan *tapi* (sarung).

Dalam era globalsasi ini, kita dapat melihat sendiri bagaimana pakaian bangsa lain seperti Melayu, Cina dan India telah mengalami evolusi teknologi fesyen pakaian tradisional. Sekali lagi kita dapat membandingkan betapa suku kaum Murut Bookan masih mempertahankan pakaian tradisional yang diwarisi daripada nenek moyang mereka. Bagi suku kaum Murut Bookan, mereka boleh berbangga kerana dapat mempertahankan warisan daripada nenek moyang mereka, iaitu dengan menenun sendiri kain untuk pakaian tradisional yang dinamakan sebagai *sulayau* dan *tapi* yang dilengkapi dengan pelbagai aksesori yang diperbuat daripada manik-manik, siput laut dan wang syiling lama.

Pakaian tradisional wanita Murut Baukan merupakan salah satu hasil kerja tangan yang menjadi kebanggaan suku kaum Murut Baukan. Lazimnya, bukan bahan yang digunakan yang

menyebabkan pakaian tradisional ini mahal tetapi nilai estetika yang terdapat pada tenunan baju *sulayau* dan sarong *tapi*. Buat masa ini harga sepasang pakaian wanita Murut Baukan yang dijual oleh *Adu Mampan* adalah antara RM900 hingga RM1,000, tanpa aksesori. Jika lengkap dengan aksesori harga boleh mencecah RM4,000 hingga RM8,000. Melalui perbualan dengan Encik Dugai, Ketua Kampung Mapila pada 10 Jun 2006, kira-kira pukul 9.30 pagi, beliau menerangkan bahawa pada zaman dahulu, suku Kaum Murut Baukan mempunyai kemahiran seni ukiran, tatu, membuat parang, tombak dan sumpitan tetapi kini semua kemahiran tersebut telah hilang ditelan zaman.

Buat masa ini tidak terdapat sebarang bahan rujukan bercetak dalam bentuk buku atau artikel berkaitan dengan pakaian Wanita Murut Baukan. Menurut Nenek Mampan melalui perbincangan pada 7 Jun 2006 jam 2.40 petang di Kampong Mapila, beliau telah dijemput beberapa kali untuk membuat demonstrasi memintal benang dan menenun *sulayau* semasa Perayaan Pesta Menuai padi di Muzium Sabah pada 30 dan 31 Mei 2005 dan semasa Pameran kraftangan di Centre Point, Kota Kinabalu Sabah oleh Lembaga Pelancongan Sabah. *Adu Mampan* menerangkan ramai pengunjung yang berminat dan mereka memberi komen tenunan beliau sangat cantik, tetapi tiada yang sanggup membeli kerana harganya yang mahal. Disamping itu, tidak ada *sulayau* yang sudah sedia ada dijual sebaliknya perlu ditempah terlebih dahulu.



**Rajah 1:** Adu Mampan tahun 1961 dan tahun 2006, Mengenakan kostum lengkap suku kaum Murut Bookan

## Biografi adu Mampan (Penenun Murut Bookan)

Nama : Mampan Bt. Ambong  
Bangsa : Murut Baukan  
Umur : 73 tahun (2006)  
Tarikh Lahir : 1934  
Pekerjaan : Penenun *Sulayau*  
Pengalaman : 50 tahun menenun  
Alamat : Kampung Mapila, Sook, Keningau, Sabah.

### Pengalaman sebagai Penenun

Adu Mampan mula menenun selepas melahirkan anak tunggalnya Dugai Bin Kadiun, Ketua Kampung Mapila, Sook. Beliau telah menghasilkan hampir 50 pasang *sulayau*, tidak termasuk *tapi* (sarung). Beliau satu-satunya penenun berbakat dan berkemahiran tinggi kerana beliau menghasilkan *sulayau* menggunakan 3 lapisan benang. Namun, kini suku kaum Murut Bookan telah kehilangan seorang penenun yang berpengalaman dan berkemahiran tinggi dalam seni menenun kerana beliau sudah tiada. Dahulu, Adu Mampan pernah melahirkan kerisauan beliau kerana tiada seorang pun suku kaum Murut Bookan yang berjaya menguasai ilmu beliau. Kini, perkara tersebut benar-benar terjadi. Semasa hayatnya, beliau sering dijemput membuat pameran dan demonstrasi oleh pihak Muzium Sabah, Pusat Kebudayaan Sabah dan dalam acara-acara seperti Pesta Menuai dan Pesta Kalimantan Peringkat Negeri.



**Rajah 2:** Adu Mampan berpengalaman menenun selama lebih 50 tahun

## **Kostum Murut Bookan**

Menurut Adu Mampan semasa temubual pada 9 jun 2006, kampung Mapila, Sook kesukaran untuk menguasai kemahiran menenun, masa menenun yang diperlukan terlalu panjang, masa hanya ditumpukan sepenuhnya untuk menenun tanpa melakukan kerja lain, ketahanan badan, keletihan, pembuatan yang rumit dan imaginasi yang tinggi merupakan faktor menyebabkan kemahiran menenun tersebut gagal diturunkan kepada generasi muda sekarang. Mereka menganggap kerja tersebut hanya dilakukan oleh orang tua dan kerja di pekan atau bandar lebih *glamour* dan mudah. Generasi sekarang kurang semangat juang dan tidak seperti generasi dahulu, yang telah mengalami keperitan hidup kerana dijajah oleh penjajah seperti Jepun dan British. Oleh demikian, mereka sangat menghargai warisan daripada nenek moyang mereka dan tidak meniru budaya yang dibawa oleh pihak penjajah. Setiap warisan mereka dianggap sangat berharga dan harus dipertahankan sama seperti mereka mempertahankan bumi mereka daripada pihak penjajah.

Setiap seni warisan menjadi kebanggaan mereka, kerana ianya lahir secara tulen daripada suku kaum mereka tanpa perlu meniru daripada bangsa lain yang dianggap lebih moden. Sekiranya generasi muda memiliki semangat yang kental seperti Adu Mampan, tidak mustahil mereka dapat mewarisi seni menenun tersebut. Generasi muda kini bukan sahaja gagal mempertahankan seni warisan nenek moyang mereka tetapi malah tidak memiliki semangat juang yang kental dan mudah rebah, seterusnya terlena dengan arus pemodenan seperti kemudahan teknologi dalam era globalsasi ini.

Menurut Adu Mampan lagi, disebabkan masa menenun yang panjang, penenun tidak dapat melakukan kerja lain, keadaan badan penenun lenguh malah harga bahan mentah yang semakin mahal merupakan faktor harga sepasang *sulayau* sangat mahal. Semasa mengadakan demonstrasi di Kota Kinabalu, ramai orang yang hendak membeli *sulayau* dengan harga RM 100 atau RM 200. Adu Mampan tidak bersetuju kerana menganggap tidak berbaloi jika diukur dengan masa yang digunakan, tenaga, kemahiran serta penat lelah menenun *sulayau* tersebut. Pada pendapat saya ianya memang tidak berbaloi kerana harga *sulayau* RM500, belum termasuk kos bahan mentah. Masa yang diperlukan pula lebih kurang sebulan lebih hingga dua bulan jika dilakukan sepenuh masa dan tiga hingga empat bulan jika berhenti-henti (sambilan). Hasil kerja beliau yang halus, kreatif dan penuh kesenian sebenarnya boleh dijual dengan harga yang lebih mahal lagi.

### ***Sulayau* (clothes)**

*Sulayau* merupakan sehelai pakaian bahagian atas yang ditunen dengan pelbagai motif yang unik dan kreatif. Semasa dipakai bahagian hadapan lebih pendek, iaitu paras punggung manakala bahagian belakang lebih panjang mencecah hingga ke paras betis pemakai. Contoh-contoh berikut merupakan antara hasil tenunan Adu Mampan.



**Rajah 3:** *Sulayau* 1, ditunen menggunakan benang daripada daun nenas yang dipintal dan diwarnakan secara tradisional menggunakan pewarna asli.



**Rajah 4:** *Sulayau* 4 ditunen menggunakan benang bulu

### ***Tapi* (Sarung)**

Pada umumnya, tenunan *tapi/linampong* lebih mudah dibuat berbanding *sulayau*. Ia mengambil masa yang lebih singkat untuk ditunen kerana tidak menggunakan banyak motif. Penggunaan warna yang terang dan senada ditunen menghasilkan jalur-jalur halus lalu menjadikan *tapi* kelihatan menarik semasa dipadankan dengan *sulayau*.



**Rajah 5:** *Tapi/linampog* (sarung) menggunakan benang yang dipintal secara tradisional, Kini tidak lagi dihasilkan.



**Rajah 6:** *Tapi/linampog* (sarung) using knitting yarn  
Photograf by Nur Ain Shahira.

### Langkah-langkah mengenakan/ memakai kostum tradisional wanita Murut Bookan

Pakai kain sarung/ tapi pada bahagian bawah dahulu.

Pasangkan aksesori pinggang hingga ke punggung

Pakai baju *sulayau* di bahagian atas

Ikatkan kain warna merah (*Abot*) untuk mengemaskan baju

Letakkan *takin* pada bahagian belakang dengan kemas

Kemudian kalungkan tinantis (rantai leher) dengan menjatuhkan ke bahagian hadapan

Hiaskan ikatan rambut dengan sikot

Akhir sekali letakkan mahkota di kepala bahagian dahi

**Rajah 7:** Langkah-langkah mengernakan *sulayau*, *tapi* dan Aksesori Kostum Murut Bookan

#### Cara Memakai Pakaian Murut Baukan:

Seperti juga pakaian tradisional wanita bangsa lain, suku kaum Murut Baukan mempunyai tertib atau cara memakai pakaian *sulayau*, sarung *tapi* dan aksesori. Bermula dari bahagian atas kepala sehinggalah ke bahagian bawah, setiap bahagian dikenakan dengan cara yang betul untuk menghasilkan koordinasi/padanan yang sesuai dan sepadan.

Pakaian Murut Baukan terbahagi kepada dua bahagian, iaitu baju *sulayau* dan sarung *tapi*. Pada umumnya, pemakaian aksesori pakaian tradisional wanita Murut Baukan boleh dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu bahagian kepala, dada dan pinggang.

Bil	Gambar cara memakai	Penjelasan/ Penerangan
1.	 <p><b>Rajah 8:</b> Hiasan Kepala dikenali sebagai <i>kukulos</i> and <i>sisikot</i></p>	Bahagian kepala dihiasi dengan <i>kukulos</i> / mahkota, diperbuat daripada kain merah yang dililit di atas kepala dan dihiasi manik. Bahagian sanggul atau belakang diletakkan hiasan bulu burung dan hiasan berwarna-warni dikenali sebagai <i>sikot</i> .





**Rajah 9:** Pelbagai bentuk hiasan pada bahagian kepala kostum Murut Bookan



**Rajah 10:** Hiasan Kepala terdiri dari bunga hidup dan bunga plastik (sisikot) dan ikatan kepala (kukulos) dihias dengan pelbagai manik, labuci dan renda.



**Rajah 11:** Hiasan bunga hutan yang sering di kenakan.

Hiasan kepala melengkapkan pemakaian pakaian tradisional wanita Murut Baukan.

Hiasan kepala *kukulos* ini dibuat daripada kain kapas berwarna merah. Ianya dihiasi dengan manik dan labuci mengikut kreativiti masing-masing.

Bunga hutan dijadikan hiasan kepala sejak zaman dahulu sehingga sekarang dan masih digunakan untuk menghiasi bahagian belakang. Bunga ini boleh dikatakan menjadi simbol bagi wanita Murut.

Selain hiasan kepala Murut Bookan juga menghasilkan subang daripada rangkaian manik.

2.



**Rajah 12:** Hiasan bahagian dada *sulayau*

Bahagian dada dihiasi dengan rantai manik berwarna-warni dan sedondon dengan baju *sulayau*. Biasanya rantai manik ini dipakai dalam kuantiti yang banyak, namun mengikut kemampuan pemilik. Semakin banyak, maka ia semakin cantik dan kelihatan mewah.



3.	 <p><b>Rajah 13:</b> Hiasan rangkaian dan juraian manik bermotif di bahagian belakang <i>sulayau</i></p>	<p>Di bahagian belakang pakaian perempuan Murut Baukan dihiasi dengan karangan manik bercorak yang dianyam lebar dan mempunyai manik jurai yang panjang dikenali sebagai <i>takin</i>. Motif <i>inambau</i> terdapat pada karangan manik pada <i>takin</i> yang menghiasi belakang.</p>
4.	 <p><b>Rajah 14:</b> Pandangan hadapan bahagian pinggang <i>sulayau</i> dan <i>tapi</i></p>	<p>Bahagian pinggang diikat dengan kain merah yang dipanggil <i>kasumba/abot</i>. Bahagian pinggang hingga pinggul dipenuhi dengan pelbagai aksesori ikatan pinggang. Ini akan memberi bentuk pinggang dan punggung si pemakai.</p>
5.	 <p><b>Rajah 15:</b> Pandangan sisi bahagian pinggang <i>sulayau</i> dan <i>tapi</i></p>	<p>Ikatan pinggang yang diikat tidak melibatkan pakaian <i>sulayau</i> bahagian belakang. Hiasan pinggang hanya kelihatan dari bahagian depan dan sisi.</p> <p>Ikatan pinggang terdiri dari rangkaian manik, wang syiling lama dan siput yang disusun begitu indah hingga memukau pandangan.</p>
6.		<p>Bahagian bawah kain/<i>tapi</i> dihiasi dengan lonceng tembaga yang berat. Kain akan jatuh dengan elok dan bunyi dihasilkan semasa berjalan.</p>

	<p><b>Rajah 16:</b> Kedudukan ikatan pinggang (kain merah) betul-betul di bahagian tengah <i>sulayau</i> dan <i>tapi</i>.</p>	
<p>7.</p>	 <p><b>Rajah 17:</b> Pemakaian Kostum yang penuh menunjukkan taraf ekonomi.</p>	<p>Kelengkapan aksesori menunjukkan taraf ekonomi keluarga pemakai. Harga <i>sinampila</i> asli (wang syiling lama) pada ketika ini sama dengan harga seekor kerbau/lembu atau lebih kurang RM1,000. Ianya dijadikan <i>berian</i> (hantaran) bernilai.</p>
<p>8.</p>	 <p><b>Rajah 18:</b> Cara pemakaian pakaian tradisional wanita Murut Bookan yang betul.</p>	<p>Cara pemakaian yang biasa dan lengkap boleh dipadankan dengan kain sarung/<i>tapi</i> bertenun atau kain sarung <i>tapi</i> berwarna hitam yang dihiasi loceng di bawah kain.</p>



**Rajah 19:** Pandangan dari bahagian belakang pakaian Murut Bookan

*Takin*/hiasan leher manik berjurai boleh diletakkan di bahagian hadapan semasa mengambil gambar bagi acara sebenarnya perlu letakkan sebagai hiasan bahagian belakang.



**Rajah 20:** Pandangan dari bahagian belakang pakaian Murut Bookan

Bahagian belakang pakaian juga dihiasi dengan juraian manik bermotif dan berwarna-warni yang dikenali sebagai ‘*Takin*’ yang mempunyai pelbagai motif seperti

### Corak/Motif

Masyarakat Murut yang dikenali sebagai “Pemburu Kepala Borneo”/ *head hunters*, perkataan Murut boleh diertikan sebagai orang bukit kerana mereka kebiasaannya menduduki kawasan pedalaman yang berbukit bukau. Seperti Orang Asli di Semenanjung Malaysia, masyarakat Murut akan berpindah ke tempat baharu (hutan dara) apabila tempat lama mereka mula telah dibangunkan. Hal ini kerana mereka lebih selesa dengan kehidupan lama mereka di hutan. Selain itu, keadaan tersebut akan memudahkan mereka menjalankan kegiatan seharian seperti



berburu, memancing dan bercucuk tanam. Perkara ini menyebabkan mereka agak ketinggalan dari segi pendidikan dan ekonomi.

Walaupun, masyarakat Murut sangat kaya dengan kesenian dan kebudayaan. Selain mahir berburu mereka juga mahir dalam membuat kerja tangan seperti ukiran, menjahit manik, anyaman, tenunan dan banyak lagi. Dalam perbualan dengan Encik Dugai, Ketua Kampung Mapila pada 6 Jun 2006, beliau mengatakan bahawa pada zaman dahulu masyarakat Murut buta huruf kerana perkembangan pelajaran lambat sampai kepada mereka. Segala idea atau buah filiran dan peristiwa yang berlaku mereka rakamkan (rekodkan) dalam bentuk motif /corak. Motif ini dihasilkan dengan cara mengukir pada kayu, menganyam tikar atau menenun pada *sulayau*. Melalui motif ini, ianya sedikit sebanyak dapat menceritakan kisah hidup dan amalan budaya suku kaum Murut khususnya Murut Bookan.



**Rajah 21:** Ukiran motif *pinungu langsung* pada tiang rumah



**Rajah 22:** Anyaman tikar menggunakan motif *pinungu langsung*



**Rajah 23:** Tenunan sulayau menggunakan motif *pinungu langsung*


Gambar di atas menunjukkan bahawa motif telah dipindahkan dan diperkayakan dengan menggunakan beberapa teknik dengan menghasilkannya dalam pelbagai bentuk persembahan, seperti ukiran pada tiang rumah, anyaman pada tikar dan tenunan pada *sulayau*.

Keadaan yang menyebabkan mereka jauh daripada arus pembangunan dan masih kuat mengamalkan kebudayaan yang diwarisi daripada nenek moyang mereka. Berbeza dengan bangsa lain corak/ motif yang dihasilkan kebiasaannya sangat berkait rapat dengan hubungan

mereka dengan aktiviti alam sekitar. Memandangkan mereka tidak mengenal huruf pada masa dahulu, setiap aktiviti kehidupan yang dianggap penting mereka lahirkan (pindahkan) dalam bentuk corak pada ukiran, anyaman dan tenunan. Motif-motif ini dihasilkan pada *sulayau*, tikar, *saging*, *berait*, dan kraftangan yang lain.

### **Cerita tentang motif baju *sulayau***

Tenunan *sulayau* yang agak unik kerana mempunyai pelbagai motif dan setiap motif dipisahkan oleh *border*. Menurut Adu Mampan semasa perbualan pada 10 Disember 2006, pukul 4.00 petang, di Kampung Mapila, ada cerita di sebalik penghasilan pelbagai motif pada *sulayau* tersebut. Penghasilan pelbagai motif dalam sepasang *sulayau* bermula apabila seorang anak gadis telah meninggal dunia semasa memakai *sulayau* tanpa corak. Bermula daripada peristiwa itulah masyarakat Murut tidak akan menenun *sulayau* tanpa motif/corak atau satu motif/corak sahaja. Sehingga hari ini kita mendapati setiap *sulayau* mempunyai lebih daripada tujuh motif dalam kepingan *sulayau* tersebut.



**Rajah 24:** Kedudukan motif atau corak pada *sulayau*

Masyarakat Murut melahirkan ilham untuk menghasilkan motif bagi mengingatkan sesuatu kenangan atau peristiwa. Oleh demikian, mereka meninggalkan mesej-mesej pada ukiran yang berbentuk corak atau motif tertentu berkaitan dengan sesuatu kejadian atau peristiwa. Ukiran tersebut seterusnya digunakan untuk menghasilkan corak atau motif pada anyaman tikar dan tenunan baju *sulayau*, yang menjadi warisan turun temurun dan kebanggaan suku kaum Murut Bookan. Kini, motif-motif ini dapat menceritakan tentang kehidupan kaum Murut Baukan yang berkaitan dengan kehidupan tradisional di hutan yang merupakan tempat sumber rezeki utama mereka suatu ketika dahulu. Peristiwa ini dirakam dengan menganyam motif pada tikar, *siraung*, *saging* dan *sulayau*. Keunikan pada *sulayau* ini adalah apabila dalam sepasang *sulayau* biasanya terdapat lebih daripada tujuh motif yang digunakan.

### **Motif-motif yang terdapat pada baju/*sulayau***



**Rajah 25:** Motif *Sinundukan nu tuali*

#### **1. Motif: *Sinundukan Nu Tuali***

**Bentuk Motif:** Bentuk hujung buluh yang dipotong.

**Maksud tersirat:**

Dahulu, masyarakat Murut Baukan merupakan pahlawan yang ditakuti kerana disebabkan ketangkasan dan kemahiran ilmu kepahlawanan. Motif ini digambarkan bahawa sejak peringkat kanak-kanak lagi dan mereka didedahkan dengan ilmu kepahlawanan. Motif ini terhasil apabila seorang kanak-kanak menongkat senjata yang dinamakan *sapok* (seperti lembing) yang diperbuat daripada buluh kecil ke atas permukaan tanah yang menghasilkan corak ini. Corak ini diulang bersama-sama dengan motif *nampoi*, *linoop silad* dan *nambau*. Corak ini dihasilkan menggunakan benang berwarna hitam membentuk motif bulat seperti hujung buluh yang dipotong.





**Rajah 26:** Motif *Binulan*

## 2. Motif: Binulan

**Bentuk Motif:** Bentuk Bulan Penuh

**Maksud Tersirat:** Dahulu masyarakat Murut Baukan menjadikan bulan sebagai panduan menggantikan kalender untuk menghitung sesuatu musim. Menurut Encik Dugai, apabila bulan keluar, masyarakat Murut Baukan akan mula membuat perancangan untuk membuat *tabasan/* bendang. Biasanya mereka mengamalkan semangat bergotong-royong. Mereka akan mula berbincang tentang giliran untuk bergotong-royong. Pada masa itu juga tidak ada kemudahan bekalan elektrik, semasa bulan penuh muncul biasanya mereka bercerita dan berbincang di beranda dengan mengharapkan sinaran bulan terang. Pada masa bulan terang juga mereka mencari rezeki di hutan, seperti memburu binatang dan memancing. Bentuk bulan penuh ini seterusnya dilahirkan dalam anyaman dan tenunan *sulayau*, menghasilkan motif yang menarik. Amalan gotong-royong dan berburu dalam kalangan masyarakat Murut Baukan masih diteruskan sehingga hari ini.



**Rajah 27:** Motif *Inampoi*

### 3. Motif: *Inampoi*

**Bentuk Motif:**

**Maksud Tersirat:**

**Bentuk Motif:** Bentuk seperti tunas pucuk paku pakis yang melingkar

**Maksud Tersirat:**

Menurut Encik Dugai, Ketua Kampung Mapila 8 Jun 2006, motif *inampoi* adalah motif paling tua dan merupakan lambang/symbol bagi masyarakat Murut Baukan. Motif ini hanya dihasilkan oleh suku kaum Murut Baukan. '*Inampoi*' sama dengan perkataan '*magatos*'. Dalam bahasa Murut Baukan *magatos* bermaksud mencari jalan pintas. Amalan mencari jalan pintas sangat rapat dengan aktiviti kehidupan suku kaum Murut. Bentuk motif ini agak abstrak, mereka menggambarkan perjalanan yang jauh seperti lingkaran tersebut. Bahagian tengah lingkaran, seperti bentuk ikan yang digambarkan sebagai sumber rezeki. Oleh itu, mereka sentiasa berusaha mengelakkan perjalanan yang jauh semasa mencari rezeki. Perjalanan tersebut diumpamakan sebagai lingkaran. Mereka percaya setiap perjalanan boleh disingkatkan tanpa melalui jalan yang berlingkar-lingkar (jauh).



**Rajah 28:** Motif *Pinungu Lansat*

### 3. Motif: *Pinungu Lansat*

**Bentuk Motif:** Seperti bunga pecah empat

**Maksud Tersirat:**

*Pinungu lansat* bermaksud buah langsung yang dipetik. Maksud yang tersirat adalah ikatan persaudaraan yang rapat. Buah langsung merupakan buah yang sangat rapat dengan kehidupan suku kaum Murut. Apabila tiba musim buah semua penduduk kampung akan bergotong royong memetik buah langsung baramai-ramai. Selepas itu, mereka akan membahagikan hasil buah

langsap yang telah dikumpul secara sama rata. Semasa aktiviti ini mereka dapat mengeratkan tali persaudaraan dengan mengamalkan persefahaman, bertolak ansur, semangat kekitaan, adil, berkongsi dan tolong-menolong. Demikian juga amalan ini dilakukan oleh keluarga lain, bukan sahaja buah langsung tetapi buah-buahan yang lain dan binatang hasil buruan juga. Kini amalan ini semakin kurang diamalkan kerana hanya ahli keluarga yang terdekat atau sekeluarga sahaja yang akan dipanggil untuk memetik buah. Walaupun amalan ini semakin hilang ditelan zaman, namun semangat ini akhirnya dapat dilahirkan melalui hasil motif ukiran, anyaman dan tenunan *pinungu lansat* (buah langsung).



**Rajah 29:** Motif *Imambau da kiranitanan*

#### **4. Motif: *Imambau Da Kiranitanan***

**Bentuk Motif:** Bentuk abstrak seperti orang/ monyet

**Maksud Tersirat:**

Seperti motif *inampoi* motif *imambau da kiranitanan* juga merupakan milik/hasil ciptaan Murut Baukan. Sebagai mana yang diketahui umum bahawa suku kaum Murut dikenali sebagai ‘Pemburu Kepala Borneo’ atau ‘Orang Bukit’. *Imambau Da Kiranitanan* bermaksud bertemu dengan pengait. Pengait digambarkan sebagai musuh yang akan mengambil kepala sesiapa sahaja yang tidak dikenali. Pada zaman dahulu, suku kaum Murut sentiasa berperang yang dikenali sebagai ‘perang saudara’ di antara suku kaum Murut sahaja. Mereka menewaskan musuh dengan mengambil kepala musuh sebagai tanda kejayaan dan kegagahan. Kepala ini akan digantungkan pada bahagian rangka atap rumah. Kekuatan/kegagahan seseorang digambarkan dengan jumlah kepala manusia yang berjaya ditawan dan digantung pada rangka atap rumah mereka. Selain itu, seorang teruna Murut Baukan akan dianggap gagah dan layak berkahwin apabila berjaya menawan musuh serta membawa balik kepala musuh. Kini perbuatan ini tidak lagi berlaku disebabkan kemajuan tamadun suku kaum Murut yang telah mendapat pendidikan dan menerima arus pemodenan. Untuk mengenang peristiwa ini mereka melahirkan dalam bentuk ukiran, anyaman dan tenunan menghasilkan corak/motif seperti kepala yang terpisah dengan badan. Selain itu, corak ini dapat digambarkan sebagai rasa

bangga dan gagah seseorang manusia. Corak ini hanya dihasilkan oleh suku kaum Murut Baukan, dan merupakan lambang kekuatan suku kaum Murut Baukan suatu ketika dahulu. Ia merupakan corak/motif yang dianggap tertua dan hanya milik suku kaum Murut Baukan. Dipercayai bahawa suku kaum Muru lain tidak menghasilkan motif ini.



**Rajah 30:** Motif *Rinangkai Di Pinatalingkad*

### **5. Motif: *Rinangkai Di Pinatalingkad***

**Bentuk Motif:** Bentuk seperti mata tunas pucuk paku yang bersambung-sambung

**Maksud Tersirat:**

Dalam bahasa Murut Baukan *rinangkai-rangkai* bermaksud bersambung-sambung atau tidak putus, manakala *pinatalingkad* pula bermaksud tunas. Masyarakat Murut Baukan sangat mementingkan ikatan persaudaraan dan persahabatan. Mereka sangat menghormati tetamu yang bertandang ke kampung mereka dengan menjamu ‘tapai’ minuman yang dihasilkan daripada beras dan yis dan dimasukkan ke dalam ‘tajau’ atau tembikar. Kebiasaannya pertemuan ini meninggalkan kenangan manis dan persahabatan atau persaudaraan bertambah erat. Mereka seterusnya melahirkan perasaan ini dengan menghasilkan motif ini bagi mengenangkan peristiwa tersebut. Jika dilihat pada motif, jelas sekali motif ini berlingkar-lingkar dan bersambung-sambung. Daripada pertemuan inilah juga mereka akan bertukar-tukar motif atau corak, dengan demikian ada motif yang sama dengan suku kaum Murut lain yang akan menjadi kenang-kenangan tanda pertemuan/ persahabatan yang erat.



### Rajah 31: Motif *Lingangadui*

#### 6. Motif: *Lingangadui* (Ular Air)

**Bentuk Motif:** Bentuk seperti ular air yang berenang iaitu berliku-liku atau berbiku-biku.

**Maksud Tersirat:** Masyarakat Murut baukan separti yang diketahui umum, terlalu rapat dengan kehidupan di hutan semulajadi yang belum tercemar. Bukan sahaja mereka mendapat inspirasi daripada makhluk yang hidup di langit, darat tetapi juga di dalam air khususnya sungai. Sehingga kini masyarakat Murut Baukan masih menjadikan sungai sebagai tempat membersihkan diri atau mandi manda. Mereka sangat rapat dengan kehidupan di sungai, kerana sungai menjadi sumber rezeki untuk mendapatkan sumber air dan makanan seperti ikan air tawar, siput, kura-kura, labi-labi, ketam dan biawak. Biasanya mereka juga akan memilih untuk mendirikan rumah berhampiran dengan sungai. Semasa menjalankan aktiviti seharian mereka di sekitar sungai, biasanya mereka akan bertemu ular air yang dikenali sebagai 'lingangadui'. Mereka tidak akan membunuh mahupun mengganggu ular ini kerana mereka percaya bahawa sekiranya ular ini diganggu ia akan bertambah banyak dan mereka tidak akan dapat melakukan aktiviti di sungai. Semasa mereka mananti ular air/*lingangadui* ini beredar dengan cara berenang di permukaan air mereka akan memerhati pergerakan ular yang berliku-liku/*zig zag*. Dari pemerhatian inilah mereka melahirkan inspirasi tersebut untuk menghasilkan motif pada sulayau. Motif *lingangadui* ini biasanya hanya dijadikan pemisah/ border di antara motif utama. Tujuan pemisah/border ini untuk memberi sempadan antara satu motif dengan motif yang lain.



Rajah 32: Motif *Pinogkotob*

#### 7. Motif: *Pinogkotob*

**Bentuk Motif:** Bentuk seperti diamond dan bahagian tengah dan setiap penjuru. Bentuk *diamond* di tengah bersambung dengan bentuk pucuk paku (lingkaran).

**Maksud Tersirat:** Pada zaman dahulu suku kaum Murut termasuk suku kaum Murut Baukan amat terkenal sebagai pemburu kepala manusia. Mereka menggunakan parang panjang yang

dikenali sebagai pedang dan di bahagian hulu berukir serta di dhiasi dengan rambut panjang manusia (menunjukkan keberanian dan kegagahan). Dengan menggunakan pedang tadi mereka akan memotong kepala musuh. Perbuat memburu kepala diistilahkan sebagai *pinogkotob/mempapatoi* (berbunuh). Kepala manusia yang berjaya diburu merupakan tanda kegagahan, kematangan anak teruna dan boleh berkahwin, kerana dianggap mampu mencari rezeki dan melindungi keluarga. Menurut Adu Mampan terdapat pantang yang harus dipatuhi oleh seorang penenun yang menenun corak ini. Jika seseorang penenun mempunyai adik beradik yang telah meninggal dunia barulah dia layak atau boleh menenun corak ini. Menurutnya lagi pada masa kini istilah tersebut juga boleh diertikan sebagai perbuatan memotong binatang atau sayur-sayuran secara bergotong-royong semasa hari keramaian. Corak ini jarang digunakan dalam motif sulayau kerana pantang yang harus dipatuhi oleh seorang penenun dan maksud yang tersirat agak kurang baik. Masyarakat Murut Baukan telah meninggalkan amalan memburu kepala manusia disebabkan kemajuan pemikiran dan persekitaran yang lebih moden. Semasa menjalankan kajian saya hanya berjaya menemui motif ini pada satu baju sulayau sahaja iaitu di daeran Tulid, kampung Pauh. Motif ini agak kurang diminati.



**Rajah 33:** Motif *Nantudungan Nu Dalaing*

### **9. Motif: Nantudungan Nu Dalaing (Tampat Duduk Budak)**

**Bentuk Motif:** Bentuk bulat berbucu lapan dan di bahagian kedua-dua tepi bersambung dengan bentuk lingkaran pucuk paku dalam kedudukan membelakang. Ia digambarkan seolah-olah tempat duduk budak oleh masyarakat Murut Baukan.

**Maksud Tersirat:** Pada masa dahulu masyarakat Murut Baukan sering membawa anak-anak kecil sama ada semasa bekerja atau semasa hari keramaian (minum tapai). Memandangkan pada masa itu tiada peralatan untuk kanak-kanak dan tidak ada pembantu atau pengasuh. Kanak-kanak kecil sentiasa disikut di belakang ibu mereka, tidak kira apa pun aktiviti yang dilakukan, sama ada ringan atau lasak. Pada zaman dahulu kadang-kadang mereka menggunakan bakul yang dianyam yang dinamakan '*alet*' untuk menyikut kanak-kanak.



Biasanya, *alet* ini disikut oleh lelaki Murut baukan. Kegunaan *alet* ini adalah untuk mengangkat kayu api, ubi kayu atau binatang. Selain dari itu kanak-kanak Murut Baukan sering menghabiskan masa bermain di atas tanah. Semasa bermain mereka biasanya akan duduk di atas tanah, ini akan meninggalkan kesan bentuk kedudukan kanak-kanak duduk. Mereka seterusnya melahirkan corak tersebut, dengan menokok tambah agar menjadi corak yang cantik pada tenunan sulayau sebagai melahirkan rasa kasih dan penghargaan kepada kanak-kanak. Kanak-kanak sangat dihargai kerana bakal menjadi penyambung generasi dan akan menjaga kedua ibu bapa pada masa mereka tua kelak.



**Rajah 34:** *Kinudu Da Pinatingkop*

### **9. Motif: *Kinudu Da Pinatingkop* (Tutup Secara Bertentangan)**

**Bentuk Motif:** Bentuk diamond dan di dalam bentuk diamond terdapat bentuk-bentuk seperti segi tiga dan lingkaran pucuk pakis membelakang.

**Maksud Tersirat:** Maksud perkataan *Kinudu Da Pinatingkop* adalah tutup secara bertentangan. Jika diperhatikan pada motif di atas semua bentuk motif lengkap dan berpasangan, sama ada pada bahagian atas atau pun bahagian bawah, kiri ataupun kanan. Ini menggambarkan sebagai manusia, kita harus hidup secara berpasangan dan sesetengah anggota badan kita juga berpasangan seperti bahagian mata, telinga, tangan dan kaki. Hidup berpasangan penting untuk mengembangkan keturunan dan saling melengkapi antara satu dengan yang lain. Selain dari itu setiap manusia yang hidup harus mempunyai kawan tidak kira semasa senang atau susah, gembira atau sedih. Saya elah dapat mengesan motif ini dalam bahan daripada Muzium Sabah, Journal in Septembar 1927 dalam JMBRAS vol. X Part 1. January 1932, Murut Basketwork I &II, G.C. Woolley, ms 27 motif ini dikenali sebagai '*sinumandak*' bermaksud anak darah/ *young girl*. Perkataan *sinumandak* adalah bahasa daripada bangsa Dusun. Semasa Zaman British lagi, bangsa Inggeris telah membuat kajian dan mendokumentasikan segala maklumat tentang motif yang terdapat pada anyaman bangsa

Murut. Menurut G.C. Woolley, segala gambar dan meklumat diperolehi dari British Museum dalam Journal in September 1929.



**Rajah 35:** Motif *Binangkawot*

### 10. Motif: Binangkawot (Kelawar)

**Bentuk Motif:** Bentuk seperti rangka kelawar/ bat yang terbang berkumpulan.

**Maksud Tersirat:** Kehidupan masyarakat Murut Baukan yang suka tinggal di kawasan pedalaman menyebabkan mereka terlalu rapat dengan kehidupan di hutan. Selain mendapatkan rezeki dari hutan mereka juga menanam buah-buahan di kawasan kebun atau berhampiran tempat tinggal mereka. Kebiasaan apabila tiba musim buah seperti buah langsung, rambutan dan mata kucing, kelawar ini akan datang memakan buah-buahan tersebut. Pada masa ini, masyarakat Murut pula akan memburu kelawar untuk dijadikan makanan. Ketika kelawar ini terbang berkumpulan mereka akan melihat sambil memerhati arah tujuan kelawar. Pada masa dahulu mereka menggunakan sumpitan/*woodblow* (sejenis senjata yang dihasilkan daripada bulu dan hujung buluh diletak racun daripada pokok kayu). Buluh ini akan diletakkan pada kayu yang ditebuk. Semasa menggunakan alat ini pemburu akan meniup pada pangkal sumpitan. Sumpitan biasanya digunakan untuk binatang berjarak jauh dan saiz yang kecil. Akhir-akhir ini mereka menggunakan senapang yang lebih moden. Sumpitan ini tidak lagi digunakan pada masa sekarang dan sukar untuk didapati kerana generasi baru tidak mempunyai kemahiran membuat sumpitan dan memang tidak berminat. Semasa masa memerhati kelawar inilah, teretusnya idea untuk menghasilkan motif dalam tenunan sulayau. Keadaan kelawar yang suka terbang berkumpulan menarik perhatian dan menghasilkan pandangan yang indah di langit pada waktu senja. Motif ini biasanya menggambarkan kelawar yang beriringan.



### Rajah 36: Motif *Linoop Silad*

#### 11. Motif: *Linoop Silad* (daun berlapis-lapis)

**Bentuk Motif:** Bentuk seperti bintang pecah empat dan terdapat bentuk paku pakis pada setiap sudut bucu bintang dan di kedua-dua tepi terdapat bentuk ikan.

**Maksud Tersirat:** *Linoop* bermaksud berlapis-lapis dan *silad* bermaksud daun palas. Bagi masyarakat murut zaman dahulu mereka menjadikan daun palas sebagai atap rumah. Selain itu, daun palas/silad di gantung pada tiang rumah atau penjuru rumah yang sebagai hiasan untuk memeriahkan sesuatu keramaian, seperti majlis pertunangan atau perkahwinan. Daun salad/palas akan dicarik-carik kemudian dikeringkan, apabila kering daun tadi kelihatan keriting dan kembang. Sekarang daun palas juga dijadikan aksesori untuk penari lelaki semasa menari dengan menggantungkan pada bahu hingga ke paras pinggul. Bagi masyarakat Melayu daun palas digunakan untuk membuat ketupat.



Rajah 36: Motif *Linoop Silad*

#### 12. Motif: Dinongkot dongkot/Kiranitanan (Mata bujak/ lembing)

**Bentuk Motif:** Bentuk seperti mata lembing atau *bujak* dalam bahasa Murut Baukan

**Maksud Tersirat:** Lembing atau bujak merupakan senjata penting suku kaum Murut Baukan selain pedang dan *sumpitan* pada zaman dahulu. Lembing ini digunakan sebagai senjata untuk memburu binatang di hutan. Pada zaman dahulu tidak ada kemudahan senapang, mereka menggunakan lembing untuk memburu atau mempertahankan diri daripada musuh. Mereka menggunakan lembing untuk membunuh binatang yang agak besar. Mereka menghasilkan motif seperti pucuk rebung dan dinamakan *dinongkot dongkot* atau *kiranitanan* bersempena dengan bentuk mata lembing atau bujak. Kepentingan bujak sebagai alat mencari rezeki dirakamkan dalam penghasilan motif tenunan *sulayau*. Biasanya motif ini dijadikan border/

sempadan pada tepi fabrik iaitu ditenun sepanjang tepi sulayau segara menegak. Kadang kala motif ini juga ditenun secara melintang berperanan sebagai pemisah/ border di antara satu motif dengan motif yang lain motif.



**Rajah 37:** Motif: *Unsang*

## 12. Motif: *Unsang* (Ringkas)

**Bentuk Motif:** Bentuk segi empat berselang seli dengan bentuk palang

**Maksud Tersirat:** Motif ini merupakan motif yang dianggap paling ringkas. Ianya lebih berbentuk geometri iaitu segi empat dan palang yang berselang seli. Maksud perkataan *unsang* ialah ringkas. Dalam kehidupan masyarakat Murut Baukan mereka mengamalkan cara hidup yang paling ringkas/*cincai*. Ringkas yang dimaksudkan asal ada. Jika kita melihat kehidupan masyarakat Murut Baukan jauh ketinggalan berbanding bangsa lain, hal ini sebenarnya kerana mereka mengamalkan kehidupan yang ringkas. Mereka kurang mementingkan kebendaan/*materialistic*. Sikap dan semangat yang tertanam menyebabkan mereka terus ketinggalan sama ada dari segi pelajaran ataupun dari segi ekonomi. Masyarakat Murut Baukan mengamalkan cara kehidupan yang paling ringkas seperti dalam masakan, hiasan rumah dan kehidupan mereka keseluruhannya. Motif ini agak kurang popular, mungkin kerana maksud di sebalik motif yang kurang membakar semangat.



**Rajah 36:** Motif *Bibiasan*

## **12. Motif: Bibiasan /Jalur**

**Bentuk Motif:** Jalur-jalur halus secara melintang

### **Maksud Tersirat:**

Jalur menegak menggunakan benang warna merah, merah jambu, hijau dan kuning digunakan pada tenunan sulayau. Pada kain sarung atau tapi pula menggunakan warna yang lebih banyak bagi menghasilkan jalur yang halus dan menarik. Antara warna yang digunakan ialah merah, hitam, biru, hijau, kuning, putih, ungu, biru muda dan biru tua.

Bagi menaikkan keceriaan motif benang merah dan hijau digunakan sebagai jalur menegak pada baju sulayau. Warna yang digunakan amat seimbang antara bahagian kiri dan kanan baju sulayau. Kedudukan jalur merah, kuning, hijau dan merah jambu yang seimbang iaitu di tepi dan tengah motif menaikkan seri dan warna pada baju *sulayau*.

### **Kesimpulan**

Biar mati anak jangan mati adat sangat sinonim dengan amalan budaya kehidupan masyarakat Murut Bookan. Motif-motif dalam pakaian etnik Murut Bookan memperlihatkan Kearifan Tempatan Etnik Sabah yang sangat unik dan wajar terus dilestarikan kerana rupa bentuknya yang sangat unik dan menceritakan budaya kehidupan masyarakat murut pada zaman dahulu kala. Melalui penulisan/pendokumentasian bahan-bahan bernilai mengenai budaya Sabah akan dapat disimpan untuk rujukan generasi yang mempelajari berkenaan budaya dan seni pada masa akan datang. Pemakaian kostum Murut Bookan menjadi kebanggaan bagi suku tersebut yang mana kostum ini hanya dipakai pada hari-hari istimewa seperti majlis keramaian seperti menyambut tetamu VIP, upacara merawat pesakit secara tradisional (*membiak*) melalui amalan *babalian*, acara perkahwinan dan majlis-majlis besar seperti sambutan pesta menuai dan pesta kalimaran.

Pada zaman dahulu, pakaian ini hanya dimiliki oleh golongan yang berkemampuan dan ianya dijadikan sebagai warisan turun temurun. Kostum ini merupakan satu-satunya warisan berharga bagi suku kaum Murut Bookan sehingga kini dan ianya disimpan dengan kemas dalam peti kayu menunjukkan betapa bernilainya kostum tersebut dalam kalangan masyarakat Murut Bookan.

Seperti kata papatah tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas demikianlah pakaian Murut Bookan yang dinamakan *sulayau* dan *tapi* mampu mengekalkan ciri-ciri budaya yang

terdapat pada setiap inci pemakaiannya. Bermula daripada hiasan kepala hingga ke bahagian pinggang hiasannya tetap terpelihara tanpa banyak mengalami perubahan walaupun zaman berubah secara drastik. Semoga perkongsian saya memberikan kesedaran kepada generasi muda kerana masyarakat Murut Bookan kini ada yang tidak lagi tahu nama dan makna setiap motif dan kadang kala hasil penulisan saya yang menjadi rujukan mereka. Perkara ini berlaku kerana tidak ada generasi muda mempunyai kesedaran dan minat dalam bidang ini. Malah masyarakat Murut Bookan sendiri tidak menyedari khazanah warisan kostum mereka yang sangat bernilai.